

20/08/1997

Sarawak ada 40,000 tenaga terlatih

KUCHING, Selasa - Sarawak kini dianggarkan mempunyai 40,000 tenaga terlatih yang dipertanggungjawab untuk menyumbang ke arah membangunkan negeri ini agar mampu berada seiring dan mencapai status maju dengan negeri lain.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata negeri ini kini sudah mempunyai kekuatan untuk mengejar kemajuan yang sudah lama dinikmati oleh negeri lain.

"Kita sudah mempunyai semangat baru dan mempunyai orang yang layak untuk dipertanggungjawabkan, kerana itu semua rakyat harus menghargainya sebagai kekuatan negeri ini."

"Pada tahun 60-an, negeri ini dianggap termiskin, namun sekarang Sarawak sudah bersedia untuk mencapai cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian `Gerbang Menandakan Ulang Tahun Malaysia Ke-40', di Kampung Jaya Bakti, Matang, dekat sini, pagi ini.

Gerbang peringatan itu yang dibina dengan kos RM900,000 dengan tertera perkataan `1957 Jubli Delima Malaysia 1997' dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Taib berkata, ketika Sarawak menyertai Malaysia, negeri ini mempunyai tidak sampai 200 graduan yang boleh dipertanggungjawab untuk membangunkan negeri ini.

"Pada masa itu, jurutera, doktor dan peguam boleh dihitungkan dengan jari. Malah ada antaranya tidak sanggup memikul beban yang dipertanggungjawabkan."

"Namun kini, selepas berada dalam Malaysia, negeri ini mengecapi kemajuan yang lebih daripada apa yang diminta," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini hanya kira-kira 40 peratus daripada penduduk ini masih bergantung kepada pekerjaan sektor pertanian.

Sementara baki 60 peratus lagi, katanya memilih pekerjaan di sektor lain yang berupaya membawa mereka maju pada masa depan.

Pada majlis itu, Taib menyampaikan tanah sumbangan kerajaan negeri seluas 808 hektar kepada Kerajaan Pusat untuk dibangunkan menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Pusat yang baru di negeri ini.

Lokasi tanah itu adalah di sekitar kawasan tapak gerbang peringatan di kampung berkenaan.

(END)